

## ORANG ISLAM YANG TERKEMUKA

### SYEIKH AL-AZHAR BAHARU

-----\*-----\*


Pada 4 September 1950 yang lalu suatu berita yang menyedihkan kepada umat Islam sedunia telah tersiar mengkhabarkan bahawa as-Syeikh Māmun al-Ashtawi Syeikh Al-Azhar yang terkenal memberi fatwa atas jihad dalam perkara Palestin itu telah kembali ke rahmatullah taala.

Dengan ketiadaannya itu maka hilang pula seorang ulama Islam yang terkenal dan masyhur itu. Dengan meninggalnya itu maka menepati sebagai kata pepatah “Patah tumbuh hilang berganti” iaitu bertetapan pada 7 Oktober tahun 1950 maka Al-Malik Faruk telah melantik Sahib Al-Fadhilah Al-Syeikh Abdul Rahman Salim menggantikan tempat Almarhum itu sebagai Syeikh Al-Azhar (gambaranya menjadi perhiasan kulit kita keluaran ini).

Sahib Al-Fadhilah Al-Syeikh Abdul Majid Salim ini ialah seorang ulama yang terkenal di seluruh alam Islami sebagai seorang alim dan banyak mengeluarkan fatwa-fatwa yang berkenaan dengan

hal ehwal Islam. Ia telah mendapat Syahadah al-Alamiah di Azhar pada tahun 1908 kemudian memegang jawatan guru di dalam Azhar dan di sekolah Qada’ Al-Syar’ie (sekolah hakim).

As-Syeikh Abdul Majid Salim ini telah pernah menjadi Qadi Syari’ie di Bandar Iskandariah, menjadi pemeriksa mahkamah-mahkamah Syari’ie, menjadi umam khas kepada Almarhum al-Malik Fuad, menjadi Ketua Mahkamah Mesir as-Syari’yah dan pada tahun 1928 ia telah dilantik menjadi Mufti Besar di Yar al-Misriah. Di dalam jawatan ini ia telah lama memegangnya sehingga bersara. Setelah bersara daripada jawatan kerajaan itu ia telah dilantik menjadi Ketua Jawatankuasa Bahagian Fatwa di Azhar. Dengan jawatan



*Al-Alamah Syeikh Abdul Majid Salim sedang bercakap-cakap dengan Mr. Abdullah Saddiq penasihat bagi Menteri Utusan Indonesia di Mesir tatkala mengucapkan tahniah atas lantikan al-Alamah itu. – gambar M Mastur Zahari Mesir khas bagi Qalam.*

inilah dipegangnya hingga 7 Oktober 1950 lalu ia dilantik menjawat jawatan Syeikh Al-Azhar ini. Oleh kerana masyhumnya maka setiap hari ramai orang-orang besar negeri, menteri-menteri dan wakil-wakil kerajaan asing yang datang ziarah kepadanya kerana memberi tahniah atas lantikan Sahib al-Fadhilah itu menjadi Syeikh Al-Azhar.

-----\*-----\*

### SAYYID JAMALUDDIN AL-AFGHANI

Di dalam bangkitan umat Islam pada kurun yang kedua puluh ini nama Sayyid Jamaluddin al-Afghani itu adalah dikenal

sebagai seorang yang telah membangunkan roh dan semangat Islam sesudah keadaannya beku selama hampir-hampir beribu-ribu tahun lamanya. Jasanya dikenang dan disebut oleh tiap-tiap orang Islam sesudah ia meninggal dan kesan-kesan keberaniannya dan pengajarannya itu hidup hingga sekarang ini yang menjadikan dunia Islam memandangnya sebagai

seorang Islam yang terkemuka dan sebagai seorang pembangun kepada roh-roh yang telah beku. Ia terkenal sebagai pembangun kepada semangat umat Mesir sekarang ini.



*As-Sayyid Jamaluddin Al-Afghani*

Sayyid Jamaluddin ini dizahirkan di bandar Asadabad berhampiran dengan Kabul Afghanistan. Ayahnya Sayyid Safdar sekalipun miskin dan Ammi (tidak tahu membaca dan menulis) mengaku keturunan daripada seorang alim yang terkenal perawi hadis, Sayyid Ali at-Tarmizi, yang asal nasnya (keturunannya) membawa kepada Saidina Hassan bin Ali bin Abi Talib (cucu Rasulullah sallallahu alaihi wasalam).

Semenjak daripada umurnya 5 tahun Sayyid Jamaluddin belajar di sekolah di kampungnya. Setelah umurnya lebih daripada sepuluh tahun ia telah belajar pada beberapa tempat dalam daerah negeri Iran dan Afghanistan. Sekalipun umurnya 18 tahun kerana terang otaknya maka boleh dikatakan segala ilmu pengetahuan Islam telah dipelajarinya.

Dengan umurnya 18 tahun ini ia pergi ke India kerana menambah ilmunya. Di sini ia duduk ada kira-kira

setahun setengah lamanya. Di sinilah ia belajar ilmu pengetahuan Barat dan sedikit-sedikit Bahasa Inggeris. Sebelum itu ia telah fasih di dalam bahasa-bahasa Arab, Iran, Turki, dan Afghan. Pada tahun 1875 ia telah sampai di Mekah.

Setelah menunaikan fardhu Haji ini ia balik ke Afghan dan kemudian menjadi pegawai kepada Amir yang memerintah di sana, iaitu Das Muhamad Khan. Ketika mengepung dan menakluk Bandar Herat yang diduduki oleh anak saudara dan menantu Amir yang tersebut, oleh Sultan Ahmad Syah, Sayyid Jamaluddin al-Afghani ada mengiringnya bersama-sama. Pada tahun 1864 Muhamad Khan meninggal dan ia telah diganti dengan Syar Ali. Di dalam perang saudara di antara Syar Ali dengan tiga orang saudaranya yang berlaku setelah ia naik di atas singgahsana Sayyid Jamaluddin memihak kepada Muhamad Azam – salah seorang daripada tiga saudara Ali yang tersebut.

Di dalam perjuangan ini akhirnya Muhamad Azam menang dan kemudian menjadi Amir dan Sayyid Jamaluddin dilantik menjadi Perdana Menteri. Pada masa itu Sayyid Jamaluddin berumur 27 tahun. Tak lama setelah itu maka perang terbit lagi iaitu Syar Ali telah mengadakan perlawanan semula dengan pertolongan anasir-anasir dari luar sehingga akhirnya Muhamad Azam kalah dan kemudian ia dibuang ke luar negeri – tidak lama kemudian Muhamad Azam meninggal dunia.

Oleh kerana Sayyid Jamaluddin keturunan Sayyid dan berpengaruh pula ke atas rakyat maka Amir yang baharu itu, Syar Ali, tidak berani memusuhinya dengan berterang-terang ; tetapi di sebalik itu ia membuat suatu langkah rahsia bagi membinasakannya. Langkah-langkah yang tersembunyi itu telah dirasa oleh Sayyid Jamaluddin dan oleh itu iapun berfikir lebih baik ia pergi ke luar negeri dan dengannya pada tahun 1869 ia meminta izin pergi Haji lalu keluar daripada Afghanistan.

Keluar daripada Afghanistan ia telah pergi ke India dan disambut oleh kerajaan dengan hormat tetapi tidak

dibenarkan campur di dalam perkara-perkara siasah ataupun berjumpa dengan pemimpin-pemimpin Islam di India masa itu. Sungguhpun tegahan-tegahan diberi tetapi pada suatu masa Sayyid Jamaluddin telah dibenarkan membaca bebapa ayat-ayat al-Quran sahaja dan daripadanya perasaan telah merebak di dalam dada orang-orang di situ dan dengan ini iapun diminta keluar dari sana. Sungguhpun pada permulaannya ia berniat hendak ke Mekah telah diubahnya lalu ia pergi ke Mesir. Di Mesir ia tinggal selama 40 hari, selama di Mesir ia kerap kali melawat Al-Azhar, mengadakan perhubungan dengan guru-guru dan murid-murid di sana dan mengadakan syarah-syarah di rumahnya kepada mereka-mereka yang kerap kali ziarah kepadanya.

Kemudian ia belayar pula ke negeri Turki dan telah disambut dengan kehormatan yang besar oleh Sultan Abdul Majid, orang-orang besar negeri, dan orang-orang yang terkemuka. Sebagaimana kebiasaannya maka dengan segera ia mencampuri orang-orang yang tidak gemar kepadanya dengan rajin dan cukup usaha dan oleh kerana itu ia lekas mendapat pengaruh yang besar daripada golongan itu.

Hampir-hampir pada tahun 1870 ia telah diminta oleh Direktor Darrul Funnun, sekolah tinggi Turki, memberi ucapan di hadapan penuntut-penuntut di sekolah tinggi itu tentang mustahak usaha. Sungguhpun Sayyid Jamaluddin telah berhati-hati memberi ucapan itu dan telah pula mengusahakan supaya ucapannya diperiksa oleh orang-orang besar negeri lebih dahulu tetapi Syeikh al-Islam Turki ada mendapat jua jalan mendakwanya – Jamaluddin yang dikatakannya telah mengucapkan beberapa kalimah yang merendahkan Islam.

Yang demikian ini akhirnya telah menjadi perselisihan faham dan dengannya timbullah bahas-bahas di dalam akhbar di dalam mana Sayyid Jamaluddin telah menjawab segala tuduhan-tuduhan yang dihadapkan ke atasnya. Akhirnya oleh terjadi keributan-keributan yang besar kerana masalah itu telah membesar dan bagi menjaga keamanan negeri maka kerajaan Turki telah meminta Sayyid Jamaluddin keluar

dari Turki.

Dengan perintah itu,

ia balik

ke Mesir dan pada

22 Mac 1871

ia tiba

di al-Kaherah. Pada

permulaannya ia

berniat hendak

tinggal di Mesir

seketika itu

jua tetapi dengan

usaha Riyad

Basya yang masa

itu menjadi

Perdana Menteri

Mesir ia telah

dihadiahkan

sebanyak 10 Paun Misri tiap-tiap bulan sebagai menghargakan

jasa dan kehormatan kepadanya. Dengan itu ia pun menetapkan

niatnya tetap duduk di Mesir. Apabila tersiar berita tentang


ketibaannya itu maka ramailah penuntut-penuntut yang ingin hendak

belajar kepadanya datang ke rumahnya. Kepada penuntut-penuntut ini diajarnya

beberapa kitab yang tinggi-tinggi tentang Tauhid, Falsafah, Usul

al-Fiqh, Tasawwuf dan sebagainya.

Dengan tujuan hendak membangunkan angkatan penulis-penulis muda yang cekap menyebarkan faham-faham baharu yang dianjurkannya di surat-surat khabar maka ia pun mendidik murid-muridnya itu di dalam bahagian ini. Di sebalik itu hal ehwal siasah Mesir dicampurinya dan dengan sepenuh-penuh tenaga dan usahanya ia berusaha menyedarkan negeri Mesir daripada bahaya kuasa-kuasa asing. Di dalam makalah-makalah yang ditulisnya itu tidak disembunyikannya perasaannya benci kepada pemerintah Inggeris di Mesir masa itu



*Almarhum as-Syeikh Ma'mun as-Syanawi*

*Syeikh Al-Azhar yang telah meninggal yang tempatnya*

*Digantikan oleh as-Syeikh Abdul Majid*

*Salim*

Pada ketika Sayyid Jamaluddin di Mesir keadaan kewangan Mesir masa itu sangat-sangat kusutnya yang dengannya kerajaan Barat berpeluang mencampuri hal ehwal dalam negeri Mesir itu dan masa itu Khidwi Ismail yang telah menghamburkan wang dengan jalan yang salah dalam usaha hendak memajukan negerinya telah diturunkan daripada takhta kerajaan. Pada 25 Jun 1879 ia telah diganti oleh Taufik Basya, anaknya, yang naik di atas singgahsana sebagai seorang pengubah yang diharap oleh puak bebas akan menimbulkan perubahan-perubahan yang besar. Di bawah pimpinan Jamaluddin pertubuhan itu telah mempunyai pengaruh yang besar dan tidak boleh dicuaikan masa itu.

Rupanya sebelum naik singgahsana, Taufik Basya, telah berjanji kepada Jamal dan pengikut-pengikutnya bahawa jika ia berkuasa ia akan menyokong cita-cita Jamal akan tetapi apabila ia ditabalkan sahaja pada bulan September 1879 maka ia mengeluarkan perintah menghalaunya dari Mesir bersama-sama muridnya bangsa Iran yang setia bernama Abu Turab.

Sayyid Jamaluddin keluar dari Mesir pergi ke Hyderabad di Yakan. Di sana ia menulis karangannya yang bernama “Bantahan Kepada Kaum Dahri” dalam bahasa Parsi. Inilah karangannya yang panjang yang terpelihara sepeninggalannya – karangannya ini ialah membela Islam daripada serangan-serangan orang yang tidak percaya kepada agama. Apabila bangkitnya Arabi Basya yang rapat pertaliannya dengan Sayidd Jamaluddin bangkit melawan kerajaan pada tahun 1882 bersama-sama dengan golongan-golongan muda Mesir maka kerajaan Inggeris masuk ke sana dan Mesir didudukinya. Pada masa perlawanan sedang hebat kerajaan Inggeris di India menjaga keras kepada Sayyid Jamaluddin tetapi apabila gerakan belia-belia Mesir itu dapat dirobuhkan maka ia diberi izin meninggalkan India. Ia mulanya pergi ke London dan setelah beberapa hari di situ ia pergi ke Paris dan tinggal di sana tiga tahun lamanya.

Di Paris ia belajar bahasa Perancis dan ia memulai

pekerjaannya mendakychkan Islam kepada bangsa-bangsa di dunia dengan menulis di dalam akhbar-akhbar. Pada tahun 1884 dengan pelawaannya muridnya Muhamad Abduh yang masa itu telah diminta keluar dari Mesir kerana berkaitan dengan bangkitnya Arabi Basya telah tiba di Paris. Dengan tujuan hendak memberi insaf kepada dunia Islam tentang penjajahan Barat di dalam negeri-negeri mereka maka guru dan murid itu telah mengeluarkan majalah mingguan dalam bahasa Arab dengan nama “al-Urwat al-Wusqa “ (Tali yang Kukuh). Sayyid Jamaluddin memandunya sedang yang menulisnya ialah muridnya Muhamad Abduh yang membuat makalah di dalamnya. Bilangannya yang pertama terbit pada 5 Jamadil Awal 1301 bersamaan 13 Mac 1884. Majalah ini terbit hanya 18 penggal sahaja – bilangannya yang akhir terbit pada 16 Oktober 1884. Kerajaan British telah mengharamkan majalah itu masuk ke India dan Mesir iaitu kedua-dua negeri yang terletak di bawah pengaruhnya. Sungguhpun umur majalah itu singkat tetapi pengaruhnya kepada dunia Islam sangat besar kerana membangunkan semangat umat yang telah mundur itu dan dengan kerana itu sehingga hari ini jasanya tidak dilupakan orang.

Setelah majalah itu dibatalkan maka Jamal telah pergi ke London bagi membicarakan gerakan “al-Mahdi” yang berlaku di Sudan, kemudian ia pergi ke Moscow dan St. Petersburg. Di dalam kedua-dua tempat ini ia telah disambut dengan kehormatan-kehormatan yang tinggi, di sini ia telah menulis makalah-makalah tentang kedudukan siasah Turki, Iran, Afghan, dan British yang telah menarik perhatian dunia. Ia empat tahun lamanya tinggal di Russia.

Pada tahun 1889 ketika Nasiruddin, Shah Iran melawat Eropah Jamaluddin telah berjumpa dengannya di Munich di dalam mana kemudiannya Shah Iran itu telah mengajaknya balik ke Iran dengan menjadikannya Perdana Menteri. Dengan itu maka ia pun balik ke sana dan kerana usaha yang baik dan kerana bijaknya berkata-kata maka pengaruhnya semakin hari semakin

besar yang menjadikan Shah Iran itu cemburu dan syak kepadanya takut kalau-kalau Jamaluddin menggunakan pengaruhnya itu bagi menjatuhkannya daripada singgahsana.

Ketika “perhatian” Shah Iran itu diketahui olehnya maka iapun meminta diri hendak mengambil angin keluar negeri. Ia pergi ke Russia tetapi pada tahun 1889 dengan permintaan yang sangat daripada Shah Iran ia sekali lagi balik ke Iran kerana memperbaiki keadaan di sana yang sangat-sangat menyedihkan pada masa itu. Perhubungan Raja dengan Perdana Menteriya itu baik

hanya seketika sahaja lamanya kerana syak Shah itu kemudiannya timbul lagi. Dengan itu ia meminta izin pula hendak beralih angin keluar negeri tetapi permohonannya itu telah ditolak dengan kasar dan oleh



*Almarhum Syekh Muhammad Abduh yang telah berjasa di dalam membangkitkan semangat Islam dengan meluaskan faham-faham gurunya As-Sayyid Jamaluddin al-Afghani.*

yang demikian ia berlindung di Masjid Shah Abdul Azzim. Di sini tujuh bulan lamanya ia tinggal. Pada masa itu perhubungannya dengan Syah Iran putus langsung dan ia memaklumkan bahawa Syah Iran itu sudah wajib dipecat.

Pengaruh Sayyid Jamaluddin semakin besar. Ada 12 orang daripada murid-muridnya yang kemudiannya masyhur di dalam kebangkitan Iran. Seorang daripadanya itulah yang telah membunuh Shah Iran pada 1 Mei 1896. Oleh kerana pengaruh Jamaluddin yang

hebat di hati rakyat itu maka akhirnya Shah Iran terpaksa melanggar tempat yang suci itu lalu menangkap Sayyid Jamaluddin sekalipun pada masa itu ia di dalam sakit. Ia kemudian dibawa ke sempadan kerajaan Turki. Masa kejadian itu tidak diketahui dengan nyata tetapi adalah kira-kira akhir tahun 1890 atau permulaan tahun 1891.

Apabila ia sihat semula ia tetap tinggal di Basrah kemudian pergi ke London dan pada tahun 1892 balik semula ke Konstantinopel. Ia tetap di sini hingga akhir hayatnya. Sungguhpun di sana Sultan Abdul Hamid hormat dan sangat murah kepadanya tetapi pada hakikatnya ulama yang tua ini telah masuk dalam penjara emas. Pada 9 Mac 1879 ia telah kembali ke rahmatullah Taala dan dikebumikan dengan perhatian yang penuh di bandar itu.

Perjuangannya dalam masa hayatnya itu adalah meliputi hampir-hampir seluruh benua Islam – di mana ia ada maka di sana tanaman perasaan kesedaran kepada rakyat di situ tumbuh. Bangkitan di Iran adalah mulanya disebabkan oleh rakyat telah murka kerana kongkongan perniagaan Inggeris kepada hasil tembakau Iran pada tahun 1891. Bangkitan ini berkesudahan dengan pemerintahan kerakyatan timbul pada 5 Ogos 1906. Bangkitan itu dipupuk semangatnya oleh Alarhum Sayyid Jamaluddin al-Afghani. Demikian juga gerakan Turki Muda pada tahun 1908 – ialah dengan roh yang tanamnya tatkala ia tinggal di dalam tanah Turki itu. Ia juga menjadi penegak kebangsaan Mesir yang tingkatan pertama baginya di dalam kekalahan perjuangan Arabi Basya. Selain daripada medan kebangkitan semangat itu ia menjadi juga penggerak ilmu yang utama di dalam kebangkitan ilmu dan agama dengan menzahirkan Muhammad Abduh dan Sayyid Rashid Redha yang kemudiannya menjadi pembuka mata kepada alam Islam yang telah kabur pemandangan mereka di sebabkan oleh perbuatan-perbuatan khurafat yang menyelaputi di dalam agama Islam.

“Ke mana pun Sayyid Jamaluddin pergi” – kata

Mical di dalam tulisannya tentang riwayat hidup Muhamad Abduh – “Ia meninggalkan roh dan semangat yang berkobar-kobar; dan tidaklah berlebihan sangat jika dikatakan bahawa semua gerak kebangsaan yang menuju hendak meninggikan darjah bangsa atau menentang serangan Barat yang dalam 20 tahun ini kita lihat hidup di sebelah Timur ini pokoknya ialah daripada usaha dan dakyahnya”(Sayyid Jamaluddin).

Tujuan Sayyid Jamaluddin yang utama ialah menyatukan umat Islam sedunia dengan mendirikan khalifah atasnya sebab dengan berpecah-pecah itu sudah tentu kekuatannya akan terbahagi dan dengan berpecah-pecah menjadikan orang mudah mendesaknya. Ia sentiasa mendesak tiap-tiap Raja memberi peluang kepada kerajaan-kerajaan Barat berkuku di tempatnya supaya menjauhkan diri daripada mereka itu dan ia telah pernah menghukumkan diri Raja itu patut dipecat dengan kerana perbuatan itu menyempitkan rakyat dengan memberi kuasa kepada kerajaan Barat.

Sungguhpun segala usaha dan gerak langkahnya tidak diperkenani oleh setengah-setengah ulama dan mereka menjauhkan diri daripadanya dan sebab itulah pengajaran-pengajarannya itu hidup di dalam golongan cerdik pandai dan mereka-mereka yang berpelajaran Barat. Dengan sebab semangat-semangat yang ditiupan berjiwa maka seruannya itu sangat mudah hidup di dalam dada belia-belia dan dengannya hiduplah semangat siasah di dalam dada mereka bagi menyampaikan tuntutan mereka . Tetapi di dalam apa-apa pun hal semua langkahannya itu semata-mata membina.

Marilah kita mengambil contoh di dalam karangannya “Bantahan atas Kaum “Materialis” (percaya kepada kebendaan semata-mata)”. Di dalam pemandangan-pemandangan ini dihuraikannya dengan ringkas pokok untuk mencapai kebahagiaan kemanusiaan dan daripada huraianannya inilah dianjurkan semula oleh muridnya Muhamad Abduh.

Walaupun bagaimanapun bahawasanya dunia Islam mengakui tentang jasanya kepada “kepada pembangunan semangat di dalam dunia Islam” dan mudah-mudahan kita dalam keluaran yang akan datang

ataupun dalam keluaran yang lain dapat membayangkan sedikit dasar tulisannya itu dan mudah-mudahan makalah-makalahnya terutamanya yang tertulis di dalam majalah Al-Urwat Al-Wusqa tersiar supaya dapat kita memerhati sebahagian dengan cara-cara pembangunannya yang boleh meniupkan pula roh dan semangat kita di sini.

---

Barangsiapa dengki kepada manusia bermakna ia mulai menyusahkan dirinya sendiri.

-----\*-----\*-----  
Pendusta itu pencuri, kerana pencuri itu mencuri hartamu dan pendusta itu mencuri akalmu.

-----\*-----\*-----  
Apabila manusia memuliakan kamu kerana harta kamu maka janganlah yang demikian itu menyenangkan kamu kerana kemuliaan yang kamu terima itu akan hilang keduanya – tetapi yang menyenangkan kamu apabila mereka memuliakan kamu kerana agama dan adabmu.

## **KALAU ISTERI TUAN MENGANDUNG...**

Kalau isteri tuan mengandung, jangan lupa ubat beranak “Cap Kambing Gurun” dengan menggunakan ubat ini tak payah berdiang – tak payah bersali. Harganya \$12.50

bersih pos pesan kepada:-

**YAHYA ARIFF**

**37, JALAN KANGSAR,**

**KUALA KANGSAR.**